# Adakah Yesus seorang Kristian atau Muslim ?

Oleh : Abo Kareem El-Marakshy

# Adakah Yesus seorang Kristian atau Muslim?

## Oleh : Abo Kareem El-Marakshy

Hakcipta © www.islamic-invitation

Mana-mana bahagian daripada laman sesawang dan buku ini dibenarkan untuk dihasilkan, diulang cetak atau disalin semula secara keseluruhannya dengan syarat; tiada perubahan, tambahan atau pengguguran secara mutlak yang dilakukan.

## Kata Pengantar

Anda boleh bertanya kepada diri anda soalan berikut:

1- Adakah saya pengikut Yesus Christ yang sebenar?
2- Adakah saya benar-benar mencari kebenaran, atau sayalah musuh kepada kebenaran?
3- Adakah Yesus Christ seorang Kristian atau Muslim?

Saya telah cuba untuk menyediakan penggabungan maklumat daripada pelbagai sumber buku dan laman sesawang yang berasas dan menyusunnya dalam bentuk jadual perbandingan secara langsung.

Saya berharap kepada pembaca untuk menilai buku ini dengan minda tanpa ada perasaan berat sebelah dan dengan hati yang terbuka terhadap kebenaran kerana ini sahaja cara yang akan memandu ke arah keputusan yang betul yang membentuk kehidupan sesorang di dunia ini dan yang akan datang.

Jadual Kandungan


| | | |
|---|---|---|
| | Pengenalan | 4 |
| 1 | KESUCIAN Wudhuk sebelum Sembahyang | 5 |
| 2 | Tanggalkan kasut sebelum Sembahyang | 6 |
| 3 | Waktu Sembahyang seharian | 7 |
| 4 | Sembahyang menghadap arah tertentu | 8 |
| 5 | Sujud dengan meletakkan dahi di lantai | 10 |
| 6 | Mengangkat tangan selepas sembahyang | 12 |
| 7 | Berpuasa | 13 |
| 8 | Pesuruh Tuhan dan Nabi | 14 |
| 9 | Berserah kepada ketentuan Tuhan Yang Maha Kuasa (Islam) | 16 |
| 10 | Nama Tuhan Yang Maha Kuasa (Pencipta) | 17 |
| 11 | Monoteisme | 18 |
| 12 | Anak-anak Tuhan | 20 |
| 13 | Taubat & Penerima Taubat (Penyelamat) | 22 |
| 14 | Maha Mengetahui | 24 |
| 15 | Mukjizat | 25 |
| 16 | Ucapan salam | 27 |
| 17 | Minuman beralkohol | 28 |
| 18 | Babi | 29 |
| 19 | Penyembelihan binatang | 30 |
| 20 | Makan daging yang masih berdarah | 32 |
| 21 | Wanita bertudung | 33 |
| 22 | KESUCIAN Mandi | 34 |
| 23 | Poligami | 36 |
| 24 | Menyembah berhala, ukiran gambar, patung dan lambang salib | 38 |
| 25 | Zina | 40 |
| 26 | KESUCIAN Berkhatan | 42 |
| 27 | Riba | 44 |
| 28 | Janggut dan Jubah | 45 |
| 29 | Ramalan terhadap Muhammad dalam Kitab Perjanjian Lama berdasarkan nama | 46 |
| 30 | Muslim yang disebut dalam Bible | 48 |
| | Kesimpulan | 49 |
| | Rujukan | 50 |

## Pengenalan

| | |
|---|---|
| Perkataan Christ berasal daripada Bahasa Greek kuno; Χριστός, *Khristós*, yang bermaksud 'melumurkan', yang merupakan terjemahan daripada Bahasa Hebrew מָשִׁיחַ (Māšîaḥ), Messiah, dan digunakan sebagai gelaran kepada Yesus. | Islam" bermaksud berserah secara menyeluruh, sempurna dan aman terhadap ketentuan Tuhan Yang Maha Kuasa |
| Perkataan "Kristian" bermaksud "Pengikut kepada Christ" atau "Krist-ian". | Perkataan "Muslim" bermaksud orang yang berserah diri terhadap ketentuan Tuhan Yang Maha Kuasa |

Yesus pernah berkata:

| | |
|---|---|
| "Jangan berfikir bahawa saya datang untuk menghancurkan perintah-perintah, atau Nabi-Nabi; saya datang bukan untuk menghancurkan, tetapi untuk memenuhi. Dengan sesungguhnya, aku mengatakan kepada kamu sehingga syurga dan bumi berlalu, satu jumlah yang kecil atau satu gelaran sepatutnya tidak akan berlalu daripada undang-undang, sehingga semuanya akan dipenuhi" (Matius 5:17-18). | Dia berkata kepada mereka, "Inilah yang saya telah katakan kepada kamu semasa saya masih bersama kamu; Semuanya mesti dipenuhi iaitu apa yang tertulis tentang saya dalam suruhan Musa, Nabi-Nabi dan Zabur". (Lukas 24:44). |

Yesus tiada kekuasaan untuk memansuhkan suruhan-suruhan. Baginda hanya mempunyai kuasa untuk memenuhi, menegaskan, menerangkan dan mengaplikasikannya dalam keadaan yang baharu atau keadaan tertentu.

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 1- KESUCIAN<br><br>Berwudhuk sebelum Sembahyang<br><br>  | Musa dan Harun telah berwudhuk sebelum sembahyang. Mereka membasuh kedua-dua tangan dan kaki mereka bilamana mereka memasuki Khemah Mesyuarat atau mendekati mihrab untuk menunaikan sembahyang. Ini merupakan arahan ketuhanan: (Exodus 40:31-32). Daud: (Zabur 26:6), (2 Samuel 12:20).<br><br>Yesus tidak menentang berwudhuk sebelum menunaikan sembahyang. Ini telah disebut dalam (James 4:8) "Marilah mendekati Tuhan dan Dia akan medekatimu. Basuhlah kedua-dua tanganmu, dosa-dosamu dan sucikanlah hatimu…"<br><br>Yesus mengikut dan memenuhi peraturan ini dengan teliti, kerana ianya merupakan wahyu. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian tidak berwudhuk sebelum menunaikan ibadah mereka di dalam gereja-gereja<br><br>Kristian tidak membasuh kedua-dua tangan dan kaki mereka sebelum bersembahyang sepertimana yang telah diperintahkan oleh Tuhan Yang Maha Kuasa.<br><br>Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim mengambil wudhuk sebelum menunaikan solat/sembahyang di Masjid.<br><br>Muslim membasuh kedua-dua tangan, kaki dan muka… dll (Quran 5:6)<br><br>Uthman ibn Affan R.A. telah menyatakan bahawa Nabi Muhammad S.A.W telah bersabda bahawa; Barangsiapa menyempurnakan wudhuk dengan baik, dosa-dosanya akan mengalir keluar daripada tubuh badannya sehinggakan ada yang mengalir daripada bawah kuku-kukunya. (Sahih Muslim) |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 2- Menanggalkan kasut sebelum menunaikan sembahyang<br> | Musa telah menerima wahyu untuk menanggalkan kasutnya sebelum memasuki dan sembahyang di Tanah Suci: (Exodus 3:5) and (Acts 7:33)<br><br>Yesus mengikut dan memenuhi peraturan ini dengan teliti kerana ianya merupakan wahyu. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian tidak menanggalkan kasut mereka sebelum memasuki dan menunaikan sembahnyang di dalam Gereja.<br><br>Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim menanggalkan kasut sebelum memasuki dan menunaikan solat/sembahyang di dalam Masjid.<br>(Quran 20:11-12) |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 3- Waktu sembahyang seharian  | Menurut Bible, waktu sembahyang adalah; petang, pagi dan tengah hari (Zabur 55:17), malahan beberapa sembahyang boleh diletakkan di antara ketiga-tiga waktu ini. Ini telah dijelaskan dalam (Zabur 119:164) “Tujuh kali sehari aku memujimu…”. Sembahyang pada waktu terbit fajar telah dinyatakan dalam Aramaic Bible dalam Plain English: (Zabur 5:3), sembahyang sebelum fajar: (Zabur 119:147). Sembahyang pada tengah malam: (Zabur 119:62).<br><br>Terdapat waktu-waktu tertentu untuk menunaikan sembahyang: (Zabur 32:6), (Zabur 69:13). Berdasarkan kepada Daud, meninggalkan waktu sembahyang adalah suatu perkara yang tidak boleh diterima.<br><br>Yesus mengikut dan memenuhi suruhan ini dengan teliti kerana ianya merupakan wahyu. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Ramai Kristian memandang sembahyang pagi dan petang sebagai suatu bentuk yang tidak formal, keberkatan atau doa sebelum makan; perkara sebegini mempunyai kekurangan dari segi ketepatan dan pengulangan.<br><br>Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim wajib menunaikan solat lima waktu sehari semalam pada waktu yang telah ditetapkan, yang mana setiap solat hanya memerlukan lebih kurang 5 hingga 10 minit. Solat lima waktu ini dilakukan pada waktu yang tertentu.<br><br>1 sebelum terbit fajar (Subuh), 2 tengah hari (Zohor), 3 lewat petang (Asar), 4 selepas terbenam matahari (Maghrib), 5 malam (Isya’). Terdapat juga solat-solat pilihan yang dianjurkan untuk dilakukan.<br>Quran: (20:132), (7:205), (33:42), (48:9), (76:25), (24:58), (52:49), (17:78), (11:114), (20:130). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 4- Sembahyang menghadap arah khusus (Kiblat)<br><br>Palestin (Jerusalem)<br><br><br><br>Kaabah di Mekah<br><br> | Daud menyembah Tuhan Yang Maha Kuasa dengan menghadap ke arah tempat ibadah suci: (Zabur 5:7), (Zabur 138:2), berdasarkan kepada Penjelasan Gill terhadap keseluruhan Injil; "Bukan tempat ibadah Palestin yang mana ia masih belum dibina lagi… tetapi bahkan ianya tempat ibadah Musa, yang mana ianya adalah kapal.", tetapi bagaimanapun, tempat ibadah Musa bukanlah tempat ibadah suci!. Kemudian, persoalannya adalah; Apakah tempat ibadah suci yang lain yang Daud telah menghadap ke arahnya ketika sembahyang?! Sulaiman sembahyang menghadap tempat ibadah suci Palestin: (2 Chonicles 6:21), Daniel (Daniel 6:10), Yunus (Yunus 2:7).<br><br>Ketika zaman Yesus, arah khusus untuk bersembahyang (kiblat) adalah ke arah Palestin: (Yohanes 4:20-21). Yesus berkata bahawa penyembah yang sebenar akan menyembah Tuhan dalam keadaan "semangat dan kebenaran": (Yohanes 4:23-24), yang membawa maksud "mereka akan ikhlas dalam penyembahan mereka", ini tidak bermaksud mereka akan menyembah Tuhan tidak tentu arah.<br><br>Yesus mengikut jejak langkah para Nabi terdahulu dengan teliti dan sembahyang menghadap kiblat yang suci. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Gereja-gereja terawal telah dibina supaya arah pertemuan akan menghadap Timur, sebagai simbol Krist (matahari terbit). Ia juga biasa untuk bersembahyang menghadap Palestin. Pada zaman kemudian, Kristian bersembahyang ke mana-mana arah.<br><br>Kristian tidak mengikuti sebagaimana yang dilakukan oleh Yesus dan tidak bersembahyang ke arah yang khusus (kiblat). | Muslim terawal solat menghadap ke arah Palestin untuk jangka masa yang pendek, kemudian Tuhan yang Maha Kuasa (Allah) telah mengarahkan Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengubah arah kiblat dan solat menghadap ke Masjidil Haram (Kaabah) di Mekah.<br>Quran (2:144) |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 5- Sujud dengan meletakkan dahi ke lantai<br> | Para Nabi terdahulu dan pengikut mereka bersujud dalam sembahyang, mereka menundukkan kepala dengan muka mereka menyentuh lantai,Ibrahim: (Genesis 17:3), (Genesis 17:17), Musa dan Harun: (Exodus 34:8), (Numbers 16:22), (Numbers 20:6),Yusha: (Yosua 5:14), (Yosua 7:6), Ilyas: (1 Kings 18:42), Daud (Zabur 22:29), (1 Samuel 20:41), selepas Sulaiman selesai sembahyang: (2 Chronicles 7:3), semasa Uzair sembahyang: (Nehemia 8:6), Malaikat: (Revelation 7:11)<br><br>Yesus tidak pernah menjemput orang ramai untuk menyembahnya selain daripada Tuhan, atau sebagai Tuhan ataupun sebagai anak Tuhan. Kenyataan ini telah dinyatakan dengan jelas dalam (Numbers 23:19): "Tuhan bukanlah manusia, yang mana manusia perlu berbohong; juga bukan anak manusia yang mana dia perlu bertaubat…", Tuhan bukan manusia: (Samuel 15:29), (Hosea 11:9).<br><br>Yesus mengikut dan memenuhi peraturan ini dengan teliti, dan menundukkan kepala dengan muka menyentuh lantai dan berdoa kepada Tuhan Yang Maha Kuasa: (Matius 26:39), (Markus 14:35), pengikut Yesus juga membuat perkara yang sama: (Matius 17:6). |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian melutut di hadapan lambang salib, menggenggam tangan mereka berdoa, mereka melakukan lambang salib bermula dari dahi sehingga ke dada dan kemudian beralih dari bahu ke bahu, perlakuan ini tidak boleh disandarkan terhadap Yesus.<br><br>Kristian tidak menunduk dengan wajah mereka menyentuh lantai, mereka tidak bersujud dengan dahi mereka mencecah ke lantai. | Muslim bersujud ketika solat, mereka menunduk dengan muka mereka menyentuh lantai ketika solat mereka seharian.<br>Quran (22:77), (7:206), (13:15), (17:109), (19:058), (25:060), (96:019), (32:015), (38:024), (53:062), (76:026), (10:9-10). |

| | |
|---|---|
| Kristian tidak mengikut sepertimana Yesus melakukan penyembahan. | |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 6- Berdoa dengan mengangkat tangan selepas sembahyang  | Sulaiman mengangkat tangannya selepas sembahyang dan memuji Tuhan Yang Maha Kuasa dan meminta keberkatan daripadaNya (1 Kings 8:54)<br><br>Yesus mengikut dan memenuhi amalan ini dengan teliti. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian tidak mengangkat tangan mereka selepas sembahyang.<br><br>Kristian tidak mengikuti amalan yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim mengangkat tangan ketika Doa Qunut dan selepas solat mereka berdoa, mereka memuji Tuhan Yang Maha Kuasa, meminta keampunanNya dan meminta keberkatanNya.<br>Quran: (2:255, 286), (25:74). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
| --- | --- |
| 7- Berpuasa<br><br><br> | Musa berpuasa selama 40 hari tanpa makan ataupun minum. Musa tidak makan roti mahupun minum air: (Deuteronomy 9:9), (Exodus 34:28).<br><br>Nabi-nabi terawal juga berpuasa, Daud: (2 Samuel 12:22), Ilyas: (1 Kings 19:8), Uzair: (Ezra 10:6), Daniel: (Daniel 9:3).<br><br>Bulan istimewa untuk berpuasa telah dimulakan semasa penawanan Babylon oleh Judah: (Zechariah 8:19). Hari khas untuk berpuasa: (Jeremiah 36:6). Bulan yang tepat untuk berpuasa (bulan kesembilan): (Jeremiah 36:9)<br><br>Yesus memenuhi tuntutan ini, dan berpuasa selama 40 hari tanpa makan mahupun minum, selepas itu Yesus berasa lapar: (Matius 4:2), (Matius 6:16), (Matius 17:21).<br><br>Yesus mengikut dan memenuhi tuntutan ini dengan teliti. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Terdapat perbezaan dari segi cara Kristian berpuasa, sebahagian Kristian menahan diri mereka daripada makanan pejal, sebahagian yang lain tidak makan makanan tertentu seperti (daging, ikan, ayam dan telur), sebahagian yang lain pula tidak minum minuman tertentu seperti (susu dan arak).<br><br>Kristian tidak berpuasa sepertimana Yesus berpuasa yang mana Yesus tidak makan mahupun minum untuk jangka masa tertentu, bahkan mereka tidak merasa lapar mahupun dahaga.<br><br>Kristian tidak mengikuti tuntutan yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim berpuasa bermula dari terbit fajar (Subuh) sehingga terbenam matahari (Maghrib) pada Bulan Ramadhan selama sebulan (bulan kesembilan), menahan diri daripada makan, minum, melakukan hubungan seks, merokok, mengumpat, menipu dan perkara-perkara menyenangkan atau menyeronokkan yang lain.<br><br>Muslim merasa lapar dan dahaga, berpuasa membantu mereka menjadi patuh kepada Tuhan, menjadi lebih sensitif terhadap kesengsaraan orang lain, membentuk disiplin diri dan menghargai kesatuan mereka.<br>Quran (2:183-185,187,196) |

| | |
| --- | --- |
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 8- Utusan Tuhan (Rasul) dan Nabi<br> | Yesus mendakwa Baginda telah dihantar oleh Tuhan, yang bermaksud Baginda merupakan utusan Tuhan yang Maha Kuasa: (Yohanes 7:16), (Yohanes 17:3), (Yohanes 5:30), (Yohanes 4:34), (Yohanes 6:38) dan (Yohanes 11:41-42).<br><br>Yesus telah menggelarkan diri Baginda sebagai Nabi: (Lukas 13:33-34), yang lain juga memanggil Baginda sebagai Nabi: (Lukas 7:16), (Lukas 24:17-22), (Yohanes 4:19), (Yohanes 6:14), (Matius 21:11), (Yohanes 9:17).<br><br>Yesus telah menggelarkan diri Baginda sebagai hamba Tuhan: (Acts 3:13), (Acts 4:27).<br><br>Yesus telah dihantar hanya kerana (kehilangan kambing biri-biri) dari kediaman Israel dan bukan kepada bukan Yahudi: (Matius 10:5-6), (Matius 15:24-27).<br><br>Yesus telah digelar sebagai "anak manusia". (Matius 12:32), (Matius 12:40), (Matius 17:9), (Yohanes 6:27). Yesus juga telah dilihat sebagai "seorang manusia yang disahkan oleh Tuhan": (Acts 2:22). Kenyataan ini telah dinyatakan dalam Kitab Perjanjian Lama: "Tuhan bukan manusia, yang mana dia sepatutnya berbohong; bukan juga anak kepada manusia, yang mana sepatutnya dia bertaubat..." (Numbers 23:19). Tuhan bukan manusia: (1 Samuel 15:29), (Hosea 11:9).<br><br>Doa Yesus tidak berlalu tanpa dimakbulkan bahkan tetapi dimakbulkan melalui malaikat, yang hadir untuk menguatkan Baginda: (Lukas 22:43).<br><br>Yesus telah memenuhi tuntutan ini, Baginda memutuskan bahawa Baginda merupakan seorang utusan atau pesuruh Tuhan (Rasul) dan Nabi. |

| | |
|---|---|
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian percaya bahawa Yesus ialah merupakan ahli kedua daripada Tuhan Triune, anak kepada bahagian pertama Tuhan Triune, dan pada masa yang sama "sepenuhnya" Tuhan dalam setiap aspek.<br><br>Kristian percaya yang Yesus merupakan Tuhan atau berupa Tuhan dan jelmaan Tuhan, mempunyai dua sifat; ketuhanan dan kemanusiaan pada masa yang sama. Kristian memandang bahawa pengantara antara Tuhan dan manusia mestilah menjadi dua dalam satu iaitu seorang manusia dan dewa dan bukan hanya manusia sahaja sepertimana yang telah dinyatakan dalam: (1 Timoti 2:5)<br><br>Kebanyakan Kristian tidak mempercayai yang Yesus hanyalah seorang utusan Tuhan, Nabi dan hamba kepada Tuhan, dan hanya manusia biasa sepertimana yang telah ditegaskan oleh Yesus sendiri.<br><br>Kristian tidak mengikuti suruhan yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim mengatakan tentang Yesus dan ibu Baginda; Maria dengan penuh sanjungan dan kemuliaan. Muslim percaya bahawa Tuhan yang Maha Kuasa menurunkan wahyu bukan sahaja kepada Ibrahim dan Musa, bahkan juga kepada Yesus dan Nabi-nabi yang lain. Muslim percaya Yesus ialah merupakan salah seorang daripada utusan Tuhan yang mulia, Baginda memiliki pengetahuan dan kebijaksanaan, telah diberkati, dan dilahirkan sebagai seorang yatim tanpa ayah seperti Adam. Keajaiban daripada kelahiran Yesus tidak menjadikan Baginda sepenuhnya Tuhan ataupun anak Tuhan ataupun menjadi ayah kepada Tuhan. Quran memanggil Yesus iaitu pada Kalimah Tuhan "Jadilah", ini tidak bermakna yang Yesus merupakan Tuhan ataupun anak Tuhan.<br>Quran (112:1-4), (5:73), (2:45), (2:48), (19:31-33) |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 9- Patuh kepada perintah/kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa (Islam)<br><br> | Yesus mematuhi perintah/kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa: (Lukas 22:42), (Matius 26:39), (Markus 14:36). Terjemahan Bible yang terawal telah ditulis dalam Bahasa Greek, kepatuhan kepada perintah Tuhan telah disebutkan: (James 4:7), dalam Bahasa Greek lama: (Ὑποτάγητε οὖν τῷ Θεῷ) dan dalam Bahasa Greek moden: (Υποταχθείτε, λοιπόν, στον Θεό), terjemahan Bahasa Inggeris: Kepatuhan diri anda kepada Tuhan, yang bermakna "Menjadi seorang Muslim".<br><br>Yesus menyembah Tuhan Yang Maha Kuasa: (Lukas 5:16), (Matius 26:39), (Matius 26:42), (Matius 26:44), Yesus berdoa dan meminta kepada Tuhan Yang Maha Kuasa pertolongan walaupun ketika Baginda membangkitkan Lazarus kembali hidup: (Yohanes 11:41-43). Yesus sering menganggap diri Baginda lebih rendah di hadapan Tuhan Yang Maha Kuasa: (Yohanes 5:30), (Yohanes 14:31).<br><br>Yesus memenuhi tuntutan ini, Baginda mematuhi Tuhan, yang bermakna Yesus mengisytiharkan keislaman Baginda. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian mengisytiharkan kepatuhan mereka kepada Yesus. Kristian percaya seseorang yang menuju ke arah Tuhan perlu melalui Yesus, yang bermaksud Kristian menyerahkan urusan mereka kepada Yesus.<br><br>Kristian tidak mengendahkan yang Yesus telah menyatakan kerendahan diri Baginda terhadap Tuhan Yang Maha Kuasa dan menyerahkan segala urusan Baginda kepada Tuhan Yang Maha Kuasa.<br><br>Kristian tidak mengikuti perintah ini sebagaimana yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim percaya bahawa para Nabi sejak bermulanya penciptaan adalah Muslim: (Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Yaakub, Nabi Lut, Nabi Yusuf, Nabi Musa, Nabi Sulaiman, Nabi Isa) dan nabi terakhir, Nabi Muhammad S.A.W. kerana mereka menyebarkan dakwah (mesej) yang sama, agama mereka ialah: "Mematuhi perintah Tuhan Yang Maha Kuasa", yang bermaksud mereka mengisytiharkan keislaman mereka.<br>Quran (10:72), (2:128,132-133), (51:31-36), (12:101), (5:3, 44), (27:30-31, 38, 42, 44), (3:19-20, 52, 83), (40:66). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 10- Nama Tuhan Yang Maha Kuasa (Pencipta)<br> | Yesus bercakap dalam Bahasa Aram, nama Tuhan dalam Bahasa Aram yang terdapat dalam skrip biasa ialah (ܐܠܗܐ), dan dalam skrip Estrangela ialah (ܐܠܗܐ) dan dibaca sebagai Alah, dalam Bahasa Arab, nama Tuhan ialah (الله) dan dibaca sebagai Allah. Dalam Bahasa Hebrew, salah satu perkataan Hebrew yang asas kepada perkataan Tuhan ialah (אלה) dan dibaca sebagai Eloh, boleh disebut dengan mudah sebagai Alah tanpa tanda-tanda diakritik, imbuhan “im” daripada perkataan ( אֱלֹהִים ) "Eloh-im" ialah sebagai kata ganda kepada hormat dalam Bible Hebrew: (Genesis 1:1). Berdasarkan kepada Bible, Yesus telah menggunakan dua perkataan ini, ELI: (Matius 27:46) dan ELOI: (Markus 15:34), kedua-dua perkataan ini; ELI dan ELOI berasal daripada perkataan Eloh (אֱלֹהַי) dalam Bahasa Hebrew, Elah atau Allah dalam Bahasa Arab dan bunyinya tidak seperti “Jehovah”. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Nama Tuhan untuk Kristian yang berbangsa Arab ialah Allah.<br><br>Kristian tidak menggunakan nama-nama ini: Eloh (אֱלֹהַי) atau Eli atau Eloi atau Allah (الله) sebagai nama-nama Tuhan Yang Maha Kuasa.<br><br>Kristian tidak mengkuti cara Yesus. | Muslim menyembah Tuhan Yang Maha Kuasa yang sama seperti Tuhan kepada Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Daud dan Yesus.<br><br>Nama Tuhan Yang Maha Kuasa ialah Allah. Quran (2:255), (59:22-24), (112:1-4). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 11- Monoteisme  | Tiada seorang pun daripada kalangan Nabi-nabi terdahulu mengajar doktrin Triniti, bahkan mereka mengisytiharkan Keesaan Tuhan. Rangkap 3 daripada Exodus menyatakan, "Kamu tidak sepatutnya memiliki Tuhan lain sebelum aku." Kenyataan Tuhan adalah ringkas, jelas dan bebas daripada kontradiksi dan kebingungan. "Aku adalah Tuan Tuhan kamu". Semua Nabi terdahulu menyampaikan dakwah Monoteisme, Musa: (Exodus 3:14-15), (Exodus 20:2), (Genesis 17:1), (Exodus 20:3-5), (Leviticus 19:3-4), (Deuteronomy 6:13), (Exodus 18:11), (Deuteronomy 6:4-9), (Deuteronomy 45:23). Daud: (Zabur 83:18, 104:1, 105:7, 118:27, 118:28), Sulaiman: (Proverbs 9:10), (Ecclesiastes 12:13), Isaiah (Isaiah 45:19, 43:10-11, 44:6, 45:21-23, 40:28). "Tiada siapa yang boleh melihat Tuhan, bahkan tidak boleh mendengar suara Tuhan:. (Exodus 33:20). "Tuhan bukan manusia yang dia akan pastinya menipu; malahan bukan anak kepada manusia yang dia perlu bertaubat." (Numbers 23:19), Tuhan bukan manusia: (1Samuel 15:29), (Hosea 11:9).<br><br>Yesus berkata: "Perintah yang paling penting ialah: "Dengar wahai Israel! Tuhan kita ialah Tuhan yang Esa dan hanya Tuhan". (Markus 12:29). Yesus tidak pernah berkata akulah Tuhan, sembahlah aku. Baginda menyeru manusia untuk berdoa dan menyembah dan menurut perintah hanya Tuhan: (Markus 14:32), (Lukas 5:16), (Yohanes 17:3), (Matius 4:10), (Lukas 4:8), (Markus 12:28-29). Yesus berkata bahawa tiada siapa yang baik kecuali hanya Tuhan sahaja: (Lukas 18:18-19), (Markus 10:18), (Matius 19:17). Tiada siapa yang boleh melihat Tuhan ataupun mendengar suara Tuhan: (Yohanes 5:37). Keesaan Tuhan diulangi: (James 4:12). |

| | |
|---|---|
| | Tuhan tidak berubah (James 1:17).<br><br>Penganut Yesus menerima ajaran ini dan mempunyai kepercayaan terhadap Tuhan yang Esa.<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi perintah Keesaan Tuhan "perintah Monoteisme" dengan teliti. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian mencabuli perintah yang pertama dengan menyembah Yesus sebagai Tuhan atau sebagai anak Tuhan.<br><br>Majlis Konstantinopel yang Pertama membawa kenyataan bersifat dogma (doktrin) tentang Triniti dan mendefiniskan Roh Suci sebagai mempunyai sifat ketuhanan yang sama seperti mana yang digambarkan terhadap Anak oleh Majlis Nicaea 56 tahun yang lalu; yang bermaksud dua atau lebih Tuhan telah ditambah kepda Tuhan Yang Maha Kuasa.<br><br>1- Tuhan Ayah = Pencipta<br>2- Tuhan Anak = Penyelamat (Penerima taubat)<br>3- Tuhan Roh yang Suci = Kaunselor<br><br>Kristian telah menyimpang daripada perintah Monoteisme, mereka mengangkat Nabi Isa a.s. terlalu tinggi sehingga mencapai taraf Tuhan.<br><br>Kristian tidak mematuhi perintah Monoteisme yang dipenuhi oleh Nabi Isa a.s. | Muslim percaya bahawa para Nabi telah dihantar oleh Tuhan yang sama, Pencipta, untuk menyampaikan mesej yang sama: Tuhan yang benar ialah Tuhan Yang Maha Esa, menyembah-Nya sahaja dan melakukan segala suruhan-Nya.<br>Quran (2:136), (7:59), (2:132), (21:25), (27:61), (27:63), (27:64), (1:1- 5), (2:225), (5:76), (20:8), (59:23).<br><br>Quran (112:1-4) menekankan dan menerangkan perintah Monoteisme: Katakanlah, "Dialah Allah, Yang Maha Esa (1) Allah, tempat meminta segala sesuatu (2) Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan (3) Dia tidak ada sesuatu pun yang setara dengan Dia" (4) |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

<table>
<tr><td>Perbandingan</td><td>Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka</td></tr>
<tr><td>12- Anak-anak Tuhan






</td><td>Penggunaan frasa “anak-anak Tuhan” tidak pun menggambarkan di dalamnya kedewaan dan ia hanyalah frasa yang biasa dalam kalangan Yahudi yang menggelarkan diri mereka sebagai “kanak-kanak Tuhan” atau “anak-anak Tuhan”. Frasa “anak-anak Tuhan” dalam Bible <u>tidak</u> hanya terhad kepada Yesus. Bible memberitahu kita bahawa Tuhan mempunyai <u>ramai anak</u>! Yaakob: (Exodus 4:22), Sulaiman: (2Samuel 7:13-14), Efraim: (Jeremiah 31:9), Adam (Lukas 3:38), malahan <u>orang kebanyakan</u> digelar sebagai “anak-anak Tuhan”: (Deuteronomy 14:1), (Genesis 6:2), (Genesis 6:4), (Zabur 29:1), (Job 38:7), (Job 2:1), (Job 1:6).<br><br>Yesus telah berkata tentang “pelaku keamanan” sebagai “anak-anak Tuhan”. Dalam tradisi Yahudi, sesiapa yang mengikuti kehendak Tuhan akan digelar sebagai “anak Tuhan”. (Genesis 6:2,4), (Exodus 4:22), (Jeremiah 31:9), (Zabur 2:7), (Lukas 3:38), (Romans 8:14), (Yohanes 6:35), yang bermaksud; sekiranya Yesus berkata dalam Bible bahawa Baginda ialah “anak Tuhan”, perkara ini tidak mengangkat darjat Baginda kepada taraf Tuhan Yang Berkuasa.<br><br>Yesus tidak pernah mengatakan “Aku ialah Tuhan sembahlah aku”.<br><br>Baginda mengikuti para Nabi terdahulu dengan teliti dan <u>memenuhi</u> perintah ini.</td></tr>
<tr><td>Cara Kristian</td><td>Cara Muslim</td></tr>
<tr><td>Kristian menyembah Yesus anak kepada bahagian pertama daripada Tuhan Triune, mereka mempertimbangkan bahawa Yesus ialah Tuhan “sepenuhnya” dalam segala aspek.<br><br>Yesus sendiri menyangkal penipuan triniti dan tidak pernah benar-benar memujinya dalam Bible. Baginda malahan menyembah Tuhan Yang Maha Berkuasa!</td><td>Tuhan Yang Maha Berkuasa (Allah) tidak pernah menjadi ayah kepada mana-mana anak lelaki, anak perempuan dan isteri. Tuhan Yang Maha Berkuasa tidak memerlukan seorang anak mahupun seorang isteri untuk membantu-Nya dalam semua perkara. Dia adalah Sempurna, Tunggal, Yang Maha Hidup, dan Raja yang sebenar.</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| Kristian tidak mengikuti perintah yang dipenuhi oleh Yesus. | Tuhan Yang Maha Berkuasa memperbetul Yahudi dan Kristian tentang salah faham berkenaan “anak-anak Tuhan”.<br><br>Dan mereka berkata: “Tuhan Yang Maha Pemurah telah menjadikan (malaikat) sebagai anak”. Maha Suci Allah! Sebenarnya (malaikat-malaikat itu) adalah hamba-hamba yang dimuliakan. (Quran, 21:26) |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 13- Bertaubat dan Penyelamat (Penerima Taubat)<br> | Tugas mengampuni dosa-dosa hanya terhad kepada Tuhan Yang Maha Kuasa: (Isaiah 43:25), (Isaiah 44:22), (Isaiah 33:22), (Isaiah 64:9), (Jeremiah 31:34), (Ezekiel 18:22), (Ezekiel 33:16), (Micah 7:18), (Micah 7:19). Hanya Tuhan Yang Maha Berkuasa merupakan Penyelamat (Penerima Taubat): (Jude 1:25), (Deuteronomy 32:15), (2 Samuel 22:3 ), (2 Samuel 22:47), (1 Chronicles 16:35), (Zabur 17:7), (Zabur 18:46), (Zabur 24:5), (Zabur 25:5), (Zabur 27:9), (Zabur 38:22), (Zabur 42:5), (Zabur 42:11), (Zabur 43:5), (Zabur 65:5), (Zabur 68:19), (Zabur 79:9), (Zabur 85:4), (Zabur 89:26), (Zabur 106:21), (Isaiah 17:10), (Isaiah 19:20), (Isaiah 43:3), (Isaiah 43:11), (Isaiah 45:15), (Isaiah 45:21-22), (Isaiah 49:26), (Isaiah 60:16), (Jeremiah 14:8), (Hosea 13:4), (Micah 7:7), (Habakkuk 3:18). Frasa "Penyelamat (Penerima Taubat)" dalam Bible tidak hanya terhad kepada Yesus. Bible memberitahu kita bahawa ada sebahagian individu lain yang telah diberikan gelaran "Penyelamat" ini juga tanpa menjadi Tuhan! Jehoash anak kepada Jehoahaz: (2 Kings 13:5), Othniel anak kepada Kenaz: (Judges 3:9), Ehud anak kepada Gera: (Judges 3:15).<br><br>Bertaubat mengikut pandangan Yesus ialah hanya dengan berpegang kepada segala suruhan Tuhan Yang Maha Berkuasa: (Matius 19:16-17).<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi perintah ini dengan teliti. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian percaya dengan taubat mereka yang melalui Yesus, mereka percaya dengan sifat ketuhanan yang dimiliki Yesus, dan penyaliban Baginda, dan Baginda membawa keampunan mereka bersama bilamana Baginda mati disalib.<br><br>Kristian percaya bahawa Yesus ialah Penyelamat mereka dan akan memaafkan | Muslim percaya bahawa Tuhan Yang Maha Berkuasa (Allah) ialah Penyelamat (Penerima Taubat) mereka. Dia ialah Penyelamat di dunia dan di hari pembalasan. Muslim percaya bahawa tiada siapa yang bertanggungjawab atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang lain. (Quran 6:164). |

| | |
|---|---|
| segala kesalahan mereka dan dosa-dosa mereka.<br><br>Kristian tidak mengikuti perintah yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim juga percaya bahawa Tuhan Yang Maha Berkuasa menyelamatkan Yesus daripada penyaliban, dan bahawa Baginda tidak dibunuh mahupun disalib. (Quran 4:157) |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 14- Maha Mengetahui<br> | Yesus menafikan “Maha Mengetahui” tentang ilmu ghaib dan hari pembalasan: (Markus 13:32), (Matius 24:36). |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian menyifatkan sifat “Maha Mengetahui” kepada Yesus. Yesus menafikan sifat “Maha Mengetahui” ini.<br><br>Kristian tidak mengikuti perintah yang dipenuhi oleh Yesus. | Tuhan Yang Maha Berkuasa mempunyai pengetahuan yang sempurna. Muslim percaya dengan sifat Allah Yang Maha Mengetahui. Dia mengetahui perkara yang sudah berlalu dan akan datang. (Quran 49: 18). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 15- Mukjizat<br> | Yesus dan para Nabi terdahulu telah memperlihatkan beberapa mukjizat (keajaiban), perkara-perkara yang luar biasa ini hanya dapat dilakukan dengan izin Tuhan Yang Maha Berkuasa. Musa: (Exodus 14:22), Elisha: (2 Kings 4:44), (2 Kings 5:14), (2 Kings 6:17&20), (2 Kings 4:34), (2 Kings 13:21), Ilyas: (1 Kings 17:22), Isa: (Lukas 9:10-17), (Yohanes 6:16-24), (Markus 6:45-52), (Matius 14:22-23).<br><br>Yesus. tidak melakukan dengan sendiri, Baginda berkata dalam (Yohanes 5:30): "Aku tidak dapat berbuat apa-apa dengan diriku: aku menganggap hanya dengan apa yang aku dengar, dan tanggapan aku hanyalah untuk aku mencari bukan untuk menyenangkan diriku tetapi dia yang telah menghantarku, dan juga dalam (Yohanes 8:28) "… Aku tidak berbuat apa-apa untuk diriku, tetapi sepertimana ayahku telah mengajarku, aku mengatakan perkara ini." Ayat-ayat ini tidak memperlihatkan sifat Maha Berkuasa. Yesus mengajar diri Baginda sendiri, dan merendahkan diri terhadap Tuhan Yang Maha Berkuasa.<br><br>Yesus memenuhi perintah ini. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian mengira bahawa mukjizat (keajaiban) yang hebat yang telah dilakukan oleh para Nabi terdahulu sebagai bukti Kenabian mereka dan telah dilakukan dengan izin Tuhan Yang Maha Berkuasa, sementara itu mereka mengira bahawa mukjizat hebat yang dilakukan Yesus sebagai bukti sifat ketuhanan Baginda.<br><br>Kristian tidak mengikuti perintah yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim percaya bahawa Tuhan Yang Maha Berkuasa melindungi para Nabi-Nya seperti: Nabi Ibrahim, Nabi Isa, dan Nabi Muhammad s.a.w. dengan mukjizat, yang mana selalunya adalah bersifat dengan sifat yang sama di mana umat dalam kalangan Nabi tersebut berjaya, mukjizat ini hanya dapat dilakukan dengan izin daripada Tuhan Yang Maha Kuasa. Dalam al-Quran, nama Yesus mempunyai 25 kejadian (kisah), nama ibu Baginda, Maria (Saidatina Maryam) mempunyai 34 kejadian, manakala nama Nabi Muhammad s.a.w. mempunyai 3 kejadian dan Ahmad sebanyak 1 kejadian. |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 16- Ucapan Salam<br><br> | Daud memberi salam kepada umat Baginda dengan mengatakan "Shalom aleichem" yang membawa maksud dalam Bahasa Hebrew sebagai "Salam sejahtera ke atas kamu": (1 Samuel 25:6).<br><br>Yesus mengikuti tradisi ini, dan juga memberi salam dengan cara yang sama dengan mengatakan "Salam sejahtera ke atas kamu": (Yohanes 20:19), (Yohanes 20:21), (Yohanes 20:26), (Lukas 24:36).<br><br>Yesus memenuhi tradisi ini. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian tidak memberi salam terhadap antara satu sama lain dengan mengatakan "Salam sejahtera ke atas kamu".<br><br>Kristian tidak mengikuti tradisi yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim memberi salam kepada antara satu sama lain dengan mengatakan: "as-Salāmuʿalaykum" yang bermaksud dalam Bahasa Arab sebagai "Salam sejahtera ke atas kamu".<br>Quran (6:54), (7:46), (11:48), (13:24), (39:73), (11:69), (14:23), (36:58), (97:5). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 17- Minuman beralkohol  | Para Nabi terdahulu menahan diri mereka daripada minuman beralkohol. Musa: (Numbers 6:1-4), Sulaiman: (Proverbs 20:1).<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi perintah ini dengan teliti.<br><br>Berkenaan mukjizat "menukar air menjadi arak", ia telah ditemui dalam Injil daripada (Yohanes 2:1-11), yang mana tetap bertentangan dengan tiga Injill yang lain. Para sarjana Kitab Perjanjian Baru telah melahirkan keraguan tentang kesahihan insiden ini. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Ramai Kristian minum pelbagai jenis minuman beralkohol, mereka mengabaikan sebahagian kata-kata Tuhan dengan andaian bahawa tidak semua kata-kata itu bersesuaian dengan mereka.<br><br>Kristian tidak mengikuti perintah yang dipenuhi oleh Yesus.. | Ia adalah pengetahuan asas dalam kalangan Muslim bahawa minuman beralkohol adalah dilarang sama sekali, kerana ia memberi kesan negatif terhadap hubungan mereka dengan Tuhan Yang Maha Berkuasa dan boleh membawa kepada pelbagai isu negatif seperti kesihatan dan masalah sosial.<br>Quran (5:90) |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 18- Babi<br> | Musa tidak makan daging babi kerana mengikuti larangan yang telah disebutkan dalam: (Leviticus 11:7-8), dan (Deuteronomy 14:8).<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi peraturan ini dengan teliti: (Matius 5:17-18), (Lukas 24:44). |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kebanyakan Kristian makan daging babi, mereka tidak menghiraukan bahagian daripada kata-kata Tuhan dengan menganggap bahawa tidak semua kata-kata itu boleh bersesuaian dengan mereka. Para sarjana Kristian telah menafsirkan kenyataan dan perbincangan Pauline tentang vegeterianisme dalam (Romans 14:2-3) untuk membolehkan supaya keizinan dianugerahkan untuk upacara ritual makan kekotoran.<br><br>Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim tidak makan daging babi dan produk-produknya kerana ia sama sekali dilarang.<br>Quran (5:3), (2:173). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 19- Penyembelihan binatang<br><br> | Perkataan Hebrew "Shechita" membawa maksud ritual penyembelihan binatang mamalia dan burung berdasarkan peraturan pemakanan (diet) Yahudi: (Deuteronomy 12:21), (Deuteronomy 14:21), (Numbers 11:22).<br><br>Ritual seorang penyembelih memuji Tuhan dan menyebut nama Tuhan kepada semesta alam yang Teragung sahaja, tanpa nama-nama berhala lain disebutkan. Binatang tersebut mestilah dibunuh dengan "hormat dan belas kasihan" oleh penyembelih ritual tersebut. Kelakuan itu dijalankan dengan memotong trakea, kerongkong, arteri Karotid, vena Jugular dengan tindakan yang pantas dengan menggunakan pisau yang sangat tajam. Ini akan menyebabkan tekanan darah menurun secara mendadak dalam otak dan mencapai tahap ketidak sedaran sehingga tidak boleh diselamatkan lagi. Pada penghujung proses penyembelihan, daging tersebut sesuai untuk dimakan, yang dipanggil dalam Bahasa Hebrew sebagai "Kosher". Ia telah dijelaskan dalam Acts 15:20 "Tetapi kami menulis kepada mereka, bahawa mereka menahan diri…daripada benda-benda yang dicekik dan daripada darah."<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi peraturan penyembelihan ini dengan teliti.<br><br>Adakah penyembelihan sesuatu yang kejam?<br>Dakwaan ini telah diperiksa melalui penggunaan rekod EEG dan ECG semasa proses penyembelihan. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Sebelum menyembelih, sebahagian daripada Kristian menyebut nama-nama Tuhan dalam Triniti Suci, sebahagian yang | Terdapat banyak syarat yang dikenakan bagi cara-cara menjalankan proses penyembelihan (Zabiha), syarat-syarat |

| | |
|---|---|
| lain menyebut nama Yesus sebagai ahli kedua daripada Tuhan Triune, manakala sebahagian yang lain lagi tidak menyebut mana-mana nama. Terdapat sebahagian syarikat penyembelihan mencekik binatang-binatang agar darahnya boleh disimpan. Tindakan ini dilarang dalam (Acts 15:20), sebahagian syarikat yang lain membunuh binatang-binatang dengan menggunakan senapang tawanan (captive bolt gun) atau mengenakan arus renjatan elektrik yang kuat yang akan melumpuhkan binatang tersebut.<br><br>Bacaan EEG menunjukan kesakitan yang teruk.<br><br>Kristian tidak mengikuti peraturan penyembelihan yang disebutkan dalam Bible.<br><br>Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | utama adalah seperti berikut: 1) Seorang penyembelih mestilah beragama Islam. 2) Melaungkan "Takbir" ketika sedang menyembelih binatang tersebut, yang bermaksud, menyebut "Allahu Akbar", maknanya; Allah Tuhan Yang Maha Besar. 3) Saluran makanan, saluran pernafasan dan vena Jugular dipotong. Daging tersebut menjadi segar untuk jangka masa yang lama kerana kekurangan darah dan menurut hukum, boleh dimakan; dalam Bahasa Arab, ia disebutkan sebagai "Halal".<br><br>Bacaan EEG yang direkodkan menunjukkan bacaan sifar, yang menjelaskan bahawa tiada kesakitan langsung.<br>Quran (22:34), (6:121), (5:3), (2:173). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 20- Makan daging berserta darah padanya (Bangkai)<br> | Para Nabi terdahulu telah mengarahkan umat mereka untuk tidak makan apa jua jenis daging yang masih lagi terdapat darah padanya, Nuh: (Genesis 9:3-4), Nabi Musa: (Leviticus 19:26), (Leviticus 17:10-14), (Deuteronomy 12:16, 23).<br><br>Ini telah dijelaskan dalam Acts 15:20 "Tetapi kami telah menulis kepada mereka, bahawa mereka menahan diri… daripada benda-benda yang dicekik dan daripada darah."<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi peraturan ini. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kristian boleh makan daging yang masih ada darah di dalamnya (contoh: stik mentah), walau bagaimanapun ia adalah dilarang dalam (Acts 15:20), (Acts 15:29).<br><br>Kristian percaya bahawa peraturan ini telah dikeluarkan oleh gereja-gereja terawal.<br><br>Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | Dalam Islam, ia adalah dilarang sama sekali untuk makan daging yang padanya masih terdapat darah.<br><br>Quran (6:145), (2:173), (5:3). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 21- Wanita yang bertudung<br> | Wanita yang bertudung hidup pada zaman Yesus dan para Nabi terdahulu: (Genesis 24:64-65), (1 Corinthians 11:5-6).<br><br>Yesus tidak pernah mengira yang tudung atau penutup kepala adalah sebagai amalan ritual lampau atau, sebagai peraturan budaya yang tidak lagi relevan.<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi peraturan ini dengan teliti: (Matius 5:17-18), (Lukas 24:44). |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Pada zaman sekarang, kebanyakan wanita Kristian tidak memakai tudung atau penutup kepala, tidak memelihara kesopanan mereka dan mempamerkan kecantikan mereka. Penutup kepala atau tudung dilihat sebagai ritual lampau dan peraturan budaya yang tidak lagi masuk akal.<br><br>Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | Majoriti wanita Muslim memakai tudung kepala, memelihara kesopanan mereka, tidak menunjukkan kecantikan mereka. Quran (24:31), (33:59). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 22- Kesucian (Mandi)<br> | Musa mengarahkan peraturan dalam (Leviticus eleven), (Leviticus 12), dan (Deuteronomy fourteen) untuk kesucian (Thaharah)/ kekotoran (Tumah).<br><br>Daud mandi untuk menjadi bersih dan pergi ke Rumah Ibadat dan beribadah: (2 Samuel 12:20), Ilyas: (2 Kings 5:10, 14).<br><br>Yesus tidak meninggalkan atau menentang peraturan kesucian/najis. Yesus menjawab, "Seseorang yang mandi hanya perlu membasuh kakinya; seluruh badannya adalah bersih. Dan kamu adalah bersih..." (Yohanes 13:10). Yesus tidak menolak mana-mana peraturan ritual kekotoran kontemporari. Kitab Perjanjian Baru menunjukkan bahawa amalan membasuh badan (ritual kesucian dan termasuklah bahagiannya dari segi spiritual, moral dan etika) dengan menggunakan air bersih telah diteruskan oleh pengikut Yesus: (Hebrews 10:22).<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi peraturan ini dengan teliti. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Pada zaman sekarang, kebanyakan Kristian tidak mengikuti peraturan Leviticus tentang kesucian/kekotoran. Sebagai contoh, lelaki dan isteri-isteri mereka selepas melakukan hubungan seks, lelaki selepas keluar air mani, wanita yang sedang datang haid (kitaran bulanan) boleh memasuki gereja dan beribadah seperti biasa tanpa perlu mandi untuk kesucian. Tindakan ini adalah berdasarkan warkah Paul: (1 Thessalonians 5:16-18) "Berdoa tanpa henti". Walau bagaimanapun, ayat ini dengan ringkas membawa maksud "sentiasa mengingati Tuhan", ia tidak membawa maksud "Berdoa ketika anda sedang suci dan/atau dalam keadaan tidak suci"! | Terdapat banyak undang-undang Islam dalam bab Kesucian (Thaharah) atau Kekotoran/Najis (Najasah). Sebagai contoh: lelaki dan isteri-isteri mereka selepas melakukan hubungan seksual, lelaki selepas keluar air mani, wanita ketika sedang haid tidak boleh masuk ke dalam masjid dan menunaikan solat sehinggalah mereka selesai haid sehingga suci sepenuhnya dan mandi untuk bersuci. Dalam Islam, haid atau datang bulan tidak membawa maksud "sumpahan" ataupun kononnya sebagai dosa Hawa. Quran (2:222).<br><br>Islam menyediakan petunjuk ketuhanan yang datangnya daripada Tuhan Yang Maha Kuasa (Allah) dan juga Nabi Muhammad |

| | |
|---|---|
| Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | s.a.w., yang mana membolehkan seseorang untuk "sentiasa ingat Tuhan". |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 23- Poligami<br> | Perkahwinan poligami berlaku dalam kalangan para Nabi sebelum Yesus. Ibrahim mempunyai 3 orang isteri: (Genesis 25:1) dan gundik: (Genesis 25:6). Yaakob mempunyai 2 orang isteri dan 2 orang gundik: (Genesis 30:3, 9). Musa mempunyai 2 orang isteri: (Exodus 2:21), (Exodus 18:1-6), (Numbers 12:1). Daud mempunyai 8 orang isteri yang mana nama mereka ada disebutkan dalam Bible, tetapi masih terdapat lagi sejumlah besar nama-nama isteri yang tidak dinamakan dan lebih daripada sepuluh gundik: (1 Chronicles 3:1-9), (2 Samuel 15:16), (2 Samuel 16:21-22), (2 Samuel 20:3). Sulaiman mempunyai 700 orang isteri, puteri-puteri dan 300 orang gundik (1 Kings 11:3).<br><br>Yesus tidak pernah menentang atau membincangkan isu tentang berkurangnya bilangan isteri dan gundik.<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi peraturan ini.<br><br>Berdasarkan kepada Father Eugene Hillman, bahawasanya Gereja di Rom telah mengharamkan poligami untuk menuruti budaya Greek-Rom yang mana hanya seorang isteri yang sah yang boleh dimiliki dan gundik dan pelacuran masih boleh dipertimbangkan. (Polygamy Reconsidered, p: 140). |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Kebanyakan Kristian menunjukkan monogami, tetapi sebenarnya mereka mengamalkan poligami, seperti perempuan simpanan. Sekarang ini, sangat mudah untuk kita dapati masyarakat Kristian mempunyai hubungan seks luar daripada perkahwinan, perhubungan sulit dan zina.<br><br>Masalah kepada ketidak-seimbangan nisbah seks telah menjadi masalah semasa zaman peperangan. Poligami diteruskan sebagai | Islam telah membenarkan poligami sebagai salah satu solusi kepada masalah atau penyakit sosial dan telah membenarkan beberapa keluasan kebebasan sebagai meraikan sifat manusiawi tetapi hanya terhad dalam lingkungan batasan undang-undang yang digariskan secara tegas, (maksimum empat orang isteri dalam satu-satu masa) dan syarat untuk berlaku adil dipertahankan sebagai salah satu syarat asas untuk poligami. Quran (4:3) |

| | |
|---|---|
| solusi yang boleh diguna pakai untuk menghadapi sebahagian penyakit sosial dalam kalangan masyarakat moden.<br><br>Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 24- Menyembah berhala, gambar ukiran, patung, lambang salib…<br><br><br><br><br>Pengaruh Pagan dalam memperkenalkan lambang salib sebagai simbol<br><br> | Para Nabi terdahulu melarang segala bentuk penyembahan berhala seperti ukiran gambar, patung, ikon, idola, tiada satu pun imej mana-mana lelaki atau perempuan di dalam makam mereka dan rumah ibadat mereka, mereka juga menghalang menyembah kepada mereka. Tuhan Yang Maha Berkuasa menggelarkan-Nya sebagai “kecumburuan Tuhan”. Musa: (Exodus 22:24), (Exodus 20:4-5), (Exodus 34:7), (Exodus 34:14), (Deuteronomy 5:6-9), (Deuteronomy 4:24), (Deuteronomy 5:9), Daud: (Zabur 94:1), Yusha: (Joshua 23:7), (Joshua 24:19), Ilyas: (1 Kings 19:10), Zulkifli: (Ezekiel 20:7), (Ezekiel 39:25), (Ezekiel 39:25), Nahum: (Nahum 1:2).<br><br>Para Nabi terdahulu melarang menyembah gambar ukiran atau berhala. Musa: (Exodus 20:3-5), (Deuteronomy 4:15-19), (Leviticus 26:1), (Exodus 32:7-8), Daud: (Zabur 135:15-18), Isaiah (Isaiah 44:9), (Isaiah 2:17-18), dan Zulkifli: (Ezekiel 30:13).<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi peraturan ini dengan teliti: (Matius 5:17-18), (Lukas 24:44), (1 John 5:21), (Acts 17:28-29), (Revelation 2:14), (Revelation 2:20), (Revelation 21:8), (Revelation 22:15).<br><br>N.B. Bentuk Salib/palang berasal daripada Chaldea purba, ia telah digunakan sebagai symbol kepada Tuhan Tammuz (T ialah huruf pertama pada namanya). Sebagai untuk menaikkan prestij/martabat kepaderian pagan yang murtad diterima masuk ke dalam gereja di samping terpisah dari segi pembaharuan pegangan, dan telah dibenarkan secara keseluruhannya untuk mengekalkan tanda dan simbol pagan. Jadi, huruf T, dalam bentuk yang selalu, yang mana garis melintang itu lebih rendah telah diambil untuk menegakkan salib orang |

| | |
|---|---|
| | Kristian. (Vine's Expository Dictionary of New Testament Words), Copyright © 1985, Thomas Nelson Publishers). Jadi, sebagaimana yang tersebut di atas, pengaruh pagan telah diperkenalkan secara perlahan bermula dengan pengenalan salib sebagai simbol, yang mana seterusnya telah diambil oleh orang Greek-Rom. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Gereja-gereja mempunyai perlbagai jenis berhala, seperti: potret, ukiran gambar Tuhan, patung Maria, Malaikat, Yesus tergantung pada palang dan ikon wali, ukiran gambar, gambar lelaki dan perempuan, merpati, ikan dan lain-lain..<br><br>Kristian melutut di hadapan lambang salib, mereka menunduk di hadapan gambar dan patung buatan manusia dan menyembah mereka. Sebahagian Kristian memakai lambang salib sebagai "simbol kepercayaan mereka".<br><br>Kristian mencabuli arahan ketuhanan yang kedua daripada Sepuluh Arahan: (Exodus 20:3-5).<br><br>Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | Dalam Islam, tidak dibenarkan untuk menunaikan sembahyang di dalam bilik yang mana terdapatnya patung-patung atau gambar-gambar benda yang tidak bernyawa yang digantung. Terdapat beberapa Hadis Nabi s.a.w. seperti:<br><br>1- "Para malaikat tidak akan memasuki rumah yang mana di dalamnya terdapat anjing dan <u>gambar-gambar".</u> (Muttafaqun 'Alaih)<br><br>2-"...Orang yang akan diazab dengan keras pada Hari Pembalasan ialah sesiapa yang <u>meniru ciptaan Allah"</u>. (Muttafaqun 'Alaih).<br><br>Nabi Muhammad s.a.w. telah menghancurkan <u>360 berhala</u> di sekitar Kaabah yang mana berhala-berhala itu telah disembah oleh manusia pada zaman sebelum kedatangan Islam. |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 25- Zina<br><br> | Ia telah dijelaskan dalam (Hebrews 13:4) bahawa perkahwinan sepatutnya dihormati oleh semua, dan katil perkahwinan perlu dikekalkan suci, kerana Tuhan akan menghakimi penzina dan semua kelakuan yang tidak bermoral. Penzinaan adalah dilarang "Kamu tidak boleh melakukan zina". (Zina disebutkan sebanyak 49 kali dalam Bible dalam bentuk yang pelbagai).<br><br>(Exodus 20:14), (Leviticus 20:10), (Deuteronomy 5:18), (Zabur 51:1), (Proverbs 6:32), (Jeremiah 3:6), (Jeremiah 3:8), (Jeremiah 3:9), (Jeremiah 5:7), (Jeremiah 7:9), (Jeremiah 23:14), (Jeremiah 29:23), (Ezekiel 16:32), (Ezekiel 16:38), (Ezekiel 23:27), (Ezekiel 23:37), (Ezekiel 23:43), (Ezekiel 23:45), (Hosea 1:2), (Hosea 2:2), (Hosea 2:4), (Hosea 4:2), (Hosea 4:13), (Hosea 4:14), (Hosea 4:15), (Hosea 7:4), (Matius 5:27), (Matius 5:28), (Matius 5:32), (Matius 15:19), (Matius 19:9), (Matius 19:18), (Markus 7:21), (Markus 10:11), (Markus 10:12), (Markus 10:19), (Lukas 16:18), (Lukas 18:20), (Yohanes 8:3), (Yohanes 8:4), (Romans 2:22), (Romans 13:9), (Galatians 5:19), (James 2:11), (2 Peter 2:14), (Revelation 2:22), (Revelation 17:2), (Revelation 18:3), (Revelation 18:9).<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi peraturan ini dengan teliti. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Ramai Kristian percaya bahawa Tuhan tidak akan menjalankan penghakiman kerana Yesus ialah penerima taubat (Penyelamat), mereka membenarkan hubungan seks luar daripada perkahwinan, zina, perhubungan rahsia dengan lain jantina..dll<br><br>Ramai Kristian lupa bahawa zina adalah dosa terhadap Tuhan, dan mereka tidak mengikut peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | Muslim sangat serius untuk mendirikan sebuah perkahwinan secara Islam, kerana Islam tidak membenarkan perhubungan seks luar daripada perkahwinan, zina, ..dll. Ini semua dikira sebagai dosa besar.<br><br>Quran (24:3-4), (17:32), (7:33), (24:26). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 26- Kesucian (Berkhatan)<br> | Berkhatan bukanlah berdasarkan kepada Peraturan Musa tetapi berdasarkan kepada perjanjian rasmi Ibrahim: (Genesis 12:1-3). Ibrahim dan keturunannya telah dikhatan (perjanjian kekal): (Genesis 17:1-2). Kegagalan untuk berkhatan adalah dikira sebagai melanggar perjanjian dengan Tuhan: (Genesis 17:14). Berkhatan merupakan keperluan mutlak sebelum menyertai dalam perayaan Paskah: (Exodus 12:44, 48). Peraturan umum telah diulang dalam (Leviticus 12:3). Exodus 4:26 menyatakan perihal berkhatan anak Musa. Joshua Five memaklumkan bahawa berkhatan sebelum memasuki tanah yang dijanjikan. Dalam Genesis 34:15, adalah dilarang bagi penjaga untuk memberi keizinan kepada perkahwinan seorang wanita yang beriman kepada seorang lelaki yang tidak berkhatan.<br><br>Yesus menjaga perjanjian kekal dan telah dikhatan. (Lukas 2:21), (Lukas 1:59), (Romans 2:29). Yesus telah berkata tentang perihal berkhatan dalam Yohanes 7:22-23.<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi peraturan beragama ini dengan teliti. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Secara umumnya, lelaki Kristian tidak berkhatan kerana kesalahan Paul dalam menginterpretasi dan mendakwa bahawa berkhatan adalah perihal berkenaan soal hati, oleh roh: (Roman 2:29). Paul berkata bahawa "Christ tidak akan mendapat keuntungan apa-apa sekiranya kamu berkhatan". (Galatians 5:2), "..Apakah nilai yang ada pada berkhatan?.." (Romans 3:1-2).<br><br>Dalam 1 Corinthians 7:18-19, Paul telah menyatakan beberapa poin yang menjelaskan secara ringkas bahawa berkhatan ini bukanlah apa-apa. | Amalan secara umumnya, semua lelaki Muslim berkhatan, kerana ia merupakan amalan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s., dan juga amalan (Sunnah) bagi Nabi kesayangan kita Nabi Muhammad s.a.w. |

| | |
|---|---|
| Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 27- Riba (Faedah)<br> | Perkataan yang digunakan dalam Bible yang menunjukkan makna Riba ialah, "Neshek", yang membawa maksud benar-benar negatif, datang daripada kata akar yang makna asasnya ialah untuk mengetuk/mematuk seperti ular.<br><br>Para Nabi terdahulu menentang amalan pengambilan dan pemberian riba: (Deuteronomy 23:19, 20), (Leviticus 25:36-37), (Exodus 22:25), (Ezekiel 18:8-9), (Ezekiel 18:13), (Ezekiel 18:17), (Ezekiel 22:12), (Zabur 15:1-5), (Jeremiah 15:10).<br><br>Yesus menentang pengambilan dan pemberian riba: (Matius 25:27) dan (Lukas 19:22-23).<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi peraturan ini dengan teliti: (Matius 5:17-18), (Lukas 24:44) |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Pada masa kini, kebanyakan Kristian tidak sedar bahawa amalan pengambilan mahupun pemberian riba ialah suatu dosa.<br><br>Kristian tidak mengikuti peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | Perkataan Bahasa Arab bagi riba ialah, "Reba", datang daripada kata akar yang membawa maksud meningkat. Muslim telah membangunkan sistem bank alternatif yang dikenali sebagai "Perbankan Islam" yang mana ia bebas daripada faedah untuk mengelakkan daripada adanya amalan pengambilan mahupun pemberian riba.<br>Quran (2: 275, 276, 278), (3:130), (4:161). |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 28- Janggut dan Jubah<br> | Para Nabi terdahulu berjanggut: (Zabur 133:2), (Isaiah 50:6), (Ezra 9:3). Peraturan Musa melarang pemotongan jambang pendek dan hujung janggut: (Leviticus 19:27), (Leviticus 21:5).<br><br>Isa mengikuti dan memenuhi peraturan ini dengan teliti.<br><br>Musa dan Harun memakai jubah: (Numbers 15:38), (Leviticus 16:23), (Exodus 29:29), (Exodus 29:5), (Exodus 28:2), (Exodus 31:10).<br><br>Yesus juga memakai jubah: (Matius 9:20-22), (Lukas 8:43-48) dan (Markus 6:56).<br><br>Yesus mengikuti dan memenuhi peraturan ini dengan teliti. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Pada masa kini, sangat jarang untuk kita dapati lelaki Kristian memakai jubah yang serupa dengan pemakaian Yesus sebahagian daripada mereka ada menyimpan janggut sebagai fesyen.<br><br>Kristian tidak mengikuti tradisi dan peraturan yang dipenuhi oleh Yesus. | Kebanyakan Muslim berjanggut, kerana mereka mengikut amalan (Sunnah) daripada Nabi Muhammad s.a.w.<br><br>Majoriti Muslim memakai pakaian yang sopan dan ramai daripada mereka yang memakai jubah juga. |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 29- Ramalan Muhammad yang terdapat dalam Kitab Perjanjian Lama berdasarkan nama<br><br><br> | Dalam Solomon's Song of Songs (Shir ha-Shirim, 5:16), perkataan מַחֲמַדִּים dibaca dalam bentuk yang asal sebagai Ma·ha·mad·dim; dalam Bahasa Hebrew 'im' ditambah sebagai kata ganda bagi hormat, perkataan asal kepada מַחֲמַד adalah daripada "hamad" yang mana dalam kedua-dua Bahasa Hebrew dan Arab merupakan kata kerja memuji, keinginan dan ia merupakan kata akar bagi perkataan Bahasa Arab ( مُحَمَّد ) yang dibaca sebagai Muhammad.<br><br>Sekiranya Mahammad **מַחְמַד** merupakan kata rambang tanpa maksud, jadi mengapa ia telah diterjemahkan kepada "kesayangan" atau "keinginan" Maka Mahammad **מַחְמַד** telah diterjemahkan secara salah dan mempunyai makna yang salah.<br><br>Sekiranya anda ingin menonton video Lagu Sulaiman 5:16 bacanya dalam Hebrew: youtube.com/watch?v=3YsA45CuvFk , maka anda akan mendengar orang Hebrew Rabbi menyebut perkataan ini sebagai Mahammad-im.<br><br>Berdasarkan kepada Indeks Perkataan yang kuat<br>Perkataan asal: **מַחְמַד**<br>Bahagian daripada pengucapan: Kata ganti nama **Lelaki**<br><br>Jadi mengapa kata ganti nama **lelaki** **מַחְמַד** yang telah diterjemahkan secara salah sebagai kata adjektif ("kesayangan" dan "keinginan")?<br><br>Sekiranya anda *tiru* perkataan Hebrew מחמד dan *lekat* dalam laman sesawang terjemahan: http://www.freetranslation.com, dan http://www.worldlingo.com, makanya anda akan dapati bahawa perkataan מחמד telah diterjemahkan kepada Muhammad. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |

| | |
|---|---|
| Yahudi akan mengatakan perkatan ini dalam Hebrew מַחֲמַדִּים sebagai perbincangan berkenaan Sulaiman, manakala Kristian akan mengatakan bahawa ia sedang membincangkan Yesus.<br><br>Terjemahan Bible tentang perkataan tersebut adalah seperti berikut: "Mulutnya adalah yang sangat manis: benar, dia secara keseluruhannya penyayang. Ini ialah kesayanganku, dan kawanku, wahai anak-anak perempuan Jerusalem". | Terjemahan yang betul bagi (Song of Songs, 5:16) sepatutnya seperti berikut: "Mulutnya adalah yang sangat manis: Benar, dia ialah Muhammad. Dialah kesayanganku, dan dialah kawanku, wahai anak-anak perempuan Jerusalem". |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

| Perbandingan | Cara Yesus mengikut Nabi-Nabi terdahulu dan memenuhi suruhan mereka |
|---|---|
| 30- Muslim yang disebut dalam Bible<br>אֵין תַּלְמִיד נַעֲלֶה עַל רַבּוֹ; שֶׁכֵּן כָּל<br>אָדָם שֶׁמֻּשְׁלָם יִהְיֶה כְּרַבּוֹ. | Nama “Meshullam” dalam Bahasa Hebrew מְשֻׁלָּם adalah sangat biasa dalam era selepas buangan, ia mempunyai 25 kejadian (kisah) dalam Bible. Dalam (Lukas 6:40) daripada Bible Hebrew, Yesus telah menggunakan perkataan שמשלם dan transliterasinya ialah “She-Mushlam”. Perkataan asal bagi dua perkataan Hebrew ini ialah “Meshullam” dan “Mushlam” yang datang daripada perkataan “Shalam” שָׁלַם , dan perkataan asal bagi perkataan Bahasa Arab مُسْلِمٌ "Muslim" berasal daripada perkataan "Salima" سَلِمَ . Dalam kedua-dua Bahasa Hebrew dan Bahasa Arab "Shalam" dan "Salima", mempunyai makna yang sama iaitu “Untuk berada dalam perjanjian aman, kepatuhan secara aman, penyerahan diri kepada Tuhan, untuk mempunyai hati yang cukup dan sempurna” terhadap Tuhan. Ini bererti bahawa Mushlam membawa maksud Muslim. |
| Cara Kristian | Cara Muslim |
| Perkataan Hebrew שמשלם "She-Mushlam" telah diterjemahkan kepada “sempurna”.<br><br>Terjemahan Bible bagi perkataan ini dalam (Lukas 6:40) adalah seperti berikut: "Seorang pengikut bukanlah terletak lebih tinggi daripada tuannya: tetapi setiap seorang yang yang sempurna sepatutnya menjadi seperti tuannya”. | Terjemahan yang betul bagi perkataan Hebrew שמשלם "She-Mushlam" ialah Muslim.<br><br>Terjemahan yang betul bagi perkataan dalam (Lukas 6:40) adalah seperti berikut: “Seorang pengikut itu bukanlah terletak lebih tinggi daripada tuannya: tetapi setiap seorang yang Muslim perlu menjadi seperti tuannya”. |

| | |
|---|---|
| Adakah Yesus seorang Kristian? | |
| Adakah Yesus seorang Muslim? | ✔ |

## Kesimpulan

1- Yesus mengikut dan memenuhi peraturan para Nabi terdahulu dan merupakan seorang Muslim, agama Baginda ialah Islam.

2- Sekiranya anda tidak memenuhi tuntutan yang dipenuhi oleh Yesus jadi MENGAPA anda mengatakan anda seorang Krist-ian? Sebenarnya, bahkan anda sepatutnya menggelarkan diri anda sebagai pengikut Gereja atau pengikut Paul atau sesiapa sahaja yang anda ikuti.

3- Sekiranya anda berminat untuk mengikut jejak langkah sebagai seorang Muslim, anda boleh melayari laman sesawang kami seperti berikut: **www.islamic-invitation.com**

## Rujukan

1- Al-Quran

2- Terjemahan Bible Pelbagai Bahasa

3- Taurat

4- Laman sesawang berkenaan perbandingan agama yang sahih

www.islamic-invitation.com